

06/12/1999

Tindakan Sanusi tanda cintakan parti

TAN Sri Sanusi Junid memutuskan tidak menyambung tugasnya sebagai Menteri Besar Kedah kerana berasa bertanggungjawab terhadap prestasi buruk Barisan Nasional (BN) di negeri itu dalam pilihan raya umum lalu. Beliau mengumumkan pengundurannya daripada jawatan itu selepas berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sanusi mungkin memberi alasan cukup kuat kepada Dr Mahathir sehingga Perdana Menteri bersetuju dengan keputusannya. Pengunduran Sanusi dibuat secara rela hati, tanpa paksaan daripada pucuk pimpinan parti selepas beliau mengakui gagal mempertahankan penguasaan BN di Kedah. Disebabkan Kedah adalah negeri Dr Mahathir bertanding, sewajarnya Sanusi menyalahkan diri sendiri. Sanusi dalam perbualannya dengan Dr Mahathir sebaik saja keputusan diketahui pada subuh 30 November lalu, berkata keputusan buruk itu "bukanlah satu alasan."

Bagi Sanusi, jika sebagai pelayar beliau tidak berdaya mengubah haluan angin, beliau harus sanggup menyesuaikan layarnya agar matlamat, cita-cita dan tujuan tercapai. Walaupun kebiasaannya falsafah Sanusi mengandungi pelbagai andaian, kali ini beliau melakukannya kerana cinta kepada parti dan perjuangan orang Melayu. Tidak perlu lagi ditafsir kenyataannya itu kerana ia dibuat demi masa depan parti, malah Dr Mahathir meminta Sanusi sendiri mengumumkan peletakan jawatan itu bagi mengelakkan ia disalahtafsirkan.

Memang banyak andaian yang dibuat mengenai pengunduran Sanusi tetapi ia tidak perlu dibincangkan kerana beliau sudah memberikan jawapannya. Keputusan itu perlu dihormati kerana dibuat berasaskan kemahuan beliau sendiri. Sanusi sedar ada pihak gembira dengan keputusan itu dan tidak kurang juga yang kecewa. Beliau sudah menunjukkan berlaku perpecahan di Kedah. Dengan ketiadaannya, jika wujud perpecahan dalam parti sebelum ini, ia sepatutnya bertaut semula. Bagi orang Melayu, mereka harus insaf pemimpin datang dan pergi. Bagi mereka yang diberi kepercayaan untuk memegang jawatan penting, mereka harus menerima hakikat suatu hari nanti jawatan itu akan diserahkan kepada orang lain. Tidak perlu melakukan tindakan yang boleh memburukkan keadaan kerana yang rugi ialah rakyat dan negara.

Keputusan Sanusi tidak menerima jawatan itu diambil sebelum tawaran dibuat kepadanya. Beliau bertindak demikian kerana tidak mahu membuntukan fikiran Dr Mahathir. Sanusi memilih jalan paling hormat untuk melepaskan jawatan yang disandangnya sejak Jun 1996, menggantikan Tan Sri Osman Aroff.

Melihat keputusan pilihan raya umum lalu, prestasi BN terutama calon Umno, begitu mencemaskan. Dalam pilihan raya itu, BN kehilangan 12 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan lapan kerusi Parlimen kepada Pas. Berbeza pada pilihan raya 1995, Pas hanya menguasai dua kerusi DUN iaitu di Bukit Raya dan Sala manakala di peringkat Parlimen, BN menguasai semua 15 kerusi di Kedah. Ramai pihak menganggap Sanusi bertanggungjawab terhadap kekalahan itu. Calon yang dipilih bertanding menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan penyokong Umno. Ramai antara mereka tidak bekerja bersungguh-sungguh membantu calon BN, tanda membantah keputusan pemilihan calon. Walaupun Sanusi boleh mempertahankan tindakannya itu, namun beliau tidak mahu perkara itu berpanjangan. Beliau menyatakan dalam kenyataannya; "Dalam membuat keputusan ini, Perdana Menteri dan saya tidak dipengaruhi pendapat luar sama ada secara bisikan atau melalui akhbar tertentu." Ini

jelas menunjukkan keputusan itu dibuat tanpa dipengaruhi faktor luaran.

Apapun, Kedah akan mempunyai menteri besar baru. Calon menteri besar itu yang sudah tentu salah seorang daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang dipilih rakyat baru-baru ini, hendaklah boleh diterima rakyat. Calon menteri besar itu seharusnya mampu mematahkan hujah Pas terutama berhubung isu Islam di samping boleh diterima semua pihak sama ada Umno dan rakyat jelata. Ini kerana dalam persidangan DUN kelak, Pas pasti akan mengemukakan hujah mengenai Islam. Oleh itu dirasakan wajar calon yang dipilih dapat berhujah mengenai isu yang memang sudah dijangkakan itu. Diharapkan dengan kepemimpinan baru di Kedah, BN dan Umno dapat merampas semula kerusi yang ditawan Pas. Ini bukan mustahil dilakukan Umno jika anggota parti itu dapat meningkatkan semula perpaduan mereka.

(END)